

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 23 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 04

## Raja ular bomba kini berkerusi roda

**Bandar Baharu:** "Sejak dipatuk ular tedung selar empat tahun lalu, suami tidak boleh bergerak dan hanya duduk di kerusi roda malah daya ingatannya tidak kuat seperti dulu," kata Masrah Ayob.

Masrah, 50, isteri kepada pesara bomba, Harun Has-

san, 59, yang diserang angin ahmar selepas dipatuk ular ketika bertugas di Lumut, Perak pada 2015.

Harun yang dulu dikenali sebagai Raja Ular Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah dan bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Serdang

sebelum itu pernah dipatuk ular tedung senduk pada 2013 yang menyebabkannya cedera.

Namun kejadian sama berlaku dua tahun selepas itu menyebabkan bisa patukan ular tedung selar atau King Cobra itu hampir meragut nyawanya.